

07 SEP 1997

Mahathir-Agama

PERJUANGAN UMNO DALAM AGAMA UNTUK BUKTIKAN YANG ISLAM BUKAN PENGHALANG

KUALA LUMPUR, 7 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri berkata perjuangan utama Umno dalam menegakkan agama Islam ialah membuktikan yang Islam tidak menjadi penghalang kepada kemajuan..

"Yang menjadi penghalang kepada kemajuan ialah apabila kita utamakan perkara yang titik bengek dan melupakan tugas kita yang lebih besar dan lebih mulia menjadikan umat Islam yang bahagia, terpilih dan berjaya dalam dunia."

Kalau umat Islam berjaya berbuat demikian, orang lain akan menerima agama Islam itu dengan baik, katanya semasa menggulung perbahasan perhimpunan agung Umno di sini.

"Itulah dakwah yang terbesar sekali, tetapi dengan kita lebih mengutamakan simbol maka umat Islam jadi umat kolot dan ditindas. Simbol tidak penting tetapi pegangan kepada Islam penting," katanya.

Inilah perjuangan parti sebenarnya dan Umno harus berani berterus terang bercakap mengenainya.

Dr Mahathir berkata tidak ada erti bagi seseorang membangkitkan soal ketuanan Melayu sekiranya ia tidak berusaha untuk menuju kejayaan.

Yang menjadi pengukur kepada pegangan Islam ialah kejayaan menjadikan umat Islam dihormati dan dipandang tinggi oleh seluruh dunia, katanya.

"Kita berasa malu bila baca dalam suratkhobar tentang masalah yang dihadapi negara Islam lain yang mana masalah itu diwujudkan oleh orang yang bertopengkan Islam," katanya.

Perdana Menteri berkata nama mereka semuanya dikaitkan dengan agama Islam, ada yang menggelar diri sebagai persaudaran Islam tapi pada hakikatnya mereka membunuh orang Islam lain.

"Seorang menteri Mesir diperah limau pada lukanya untuk diseksa sebelum dibunuh. Ini dilakukan oleh saudara Islam kita kepada saudara Islam yang lain. Adakah ini boleh kita terima?" tanya beliau.

Dr Mahathir juga menafikan dakwaan kononnya Umno dan kerajaan tidak menghormati golongan ulamak.

Dalam erti Islam, katanya, golongan ulamak ialah seorang yang betul-betul mempunyai pengetahuan agama serta mempunyai sifat tertentu yang menunjukkan dia mengamalkan ajaran Islam.

"Janganlah kerana seseorang itu mendakwa dirinya ulamak dan kerana itu kita kata dia waris nabi. Waris nabi ialah orang yang lebih istimewa daripada manusia biasa.

"Kita menghormati mereka yang betul-betul ulamak tetapi yang lain bukan .... dan mereka tak ada hak menggunakan perkataan ulamak pada diri mereka," katanya.

-- BERNAMA

ARA RON